

## **AKAUNTABILITI MELALUI LAPORAN KEWANGAN ORGANISASI BUKAN KEUNTUNGAN DAN LAPORAN PERBELANJAAN MENGIKUT FUNGSI**

Norlia Abdul Karim, Noor Raudhiah Abu Bakar, Teh Suhaila Tajuddin  
Ridzwana Mohd Said

[norlia@kuis.edu.my](mailto:norlia@kuis.edu.my), [raudhiah@kuis.edu.my](mailto:raudhiah@kuis.edu.my), [tehsuhaila@kuis.edu.my](mailto:tehsuhaila@kuis.edu.my)  
[ridzwana@upm.edu.my](mailto:ridzwana@upm.edu.my)

Kolej Universiti Islam Selangor, KUIS & Universiti Putra Malaysia, UPM

### **ABSTRAK**

Laporan kewangan bagi organisasi bukan berasaskan keuntungan berpotensi untuk terlibat dalam penipuan dan skandal perakaunan kerana terdapat kekurangan piawai perakaunan. Penderma, penaja, dan pemantau pertubuhan kebajikan bergantung kepada laporan kewangan, sebagai kayu ukur tahap akauntabiliti OBK. Jika laporan kewangan dibuat berdasarkan perbelanjaan menurut fungsi, maka OBK dianggap telah memiliki tahap akauntabiliti yang tinggi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana penggunaan laporan kewangan, terutamanya laporan perbelanjaan mengikut fungsi dilaksanakan dikalangan OBK di Malaysia. Klasifikasi perbelanjaan berdasarkan fungsi mencerminkan perbelanjaan itu sesuai dengan maksud dari mana dana itu dijana dan ke mana perbelanjaan tersebut dijangka dibelanjakan. Pelaporan perbelanjaan mengikut fungsi membantu pembaca penyata kewangan memahami bagaimana sebuah organisasi bukan keuntungan membelanjakan sumber-sumbernya. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif untuk memenuhi objektif yang telah digariskan. Temubual secara bersemuka dijalankan antara penyedia laporan kewangan dan OBK dipilih. Selain itu, laporan kewangan OBK juga akan dianalisis untuk mengenal pasti bagaimana perbelanjaan berfungsi dibentangkan. Hasil kajian ini dijangka menyatakan amalan semasa laporan perbelanjaan berfungsi oleh OBK di Malaysia. Laporan ini dijangka dapat menunjukkan tahap akauntabiliti OBK kepada individu atau kelompok yang memiliki kepentingan terhadap keputusan serta aktiviti OBK.

**Kata kunci:** Laporan perbelanjaan mengikut fungsi, organisasi bukan keuntungan, akauntabiliti.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Organisasi Bukan Keuntungan (OBK) semakin dikenali dan popular sebagai saluran utama bagi masyarakat untuk melaksanakan kerja-kerja amal. Oleh kerana bilangan OBK semakin meningkat dari tahun ke tahun, OBK menyediakan pelbagai platform untuk penderma atau sukarelawan untuk mengambil bahagian dalam menyokong misi dan visi OBK. OBK pada masa yang sama mewujudkan dan menggalakkan masyarakat penyayang. Organisasi Bukan Keuntungan (OBK) merujuk kepada orang, persatuan atau organisasi yang berdaftar yang terlibat secara langsung dalam kutipan atau agihan dana atau derma untuk kebajikan, keagamaan, budaya, pendidikan, sosial atau persaudaraan atau bagi menjalankan kerja yang baik (Financial Action Task Force (FATF)).

OBK pada dasarnya dirujuk kepada entiti undang-undang atau organisasi yang terutamanya terlibat dalam menaikkan atau mengagihkan dana untuk pelbagai tujuan. Fungsi OBK untuk tujuan yang berbeza, sama ada menjadi amalan, agama, budaya, pendidikan, sastera, sosial atau persaudaraan, saintifik, atau pun kemanusiaan. Namun begitu, yang menjadi persoalan adalah bagaimana sumber-sumber diagihkan merupakan kebimbangan utama penderma.

Zainon et al., (2014) menyatakan laporan kewangan OBK bertujuan memenuhi keperluan maklumat akauntabiliti awam dengan membantu pihak yang berkepentingan menilai bagaimana sumber-sumber yang diperlukan dan digunakan. Namun, menurut Kilcullen, Hancock & Izan, (2014) laporan kewangan OBK tidak berguna untuk pengguna laporan itu jika tidak memenuhi keperluan pengguna. Ini boleh diatasi dengan laporan perbelanjaan mengikut fungsi. Perbelanjaan mengikut fungsi boleh didefinisikan sebagai membahagikan perbelanjaan mengikut tujuan di mana perbelanjaan berlaku termasuklah pentadbiran, program dan kutipan dana atau derma. Laporan perbelanjaan mengikut fungsi dapat membantu pembaca laporan kewangan (termasuk penderma, pengasas, penguatkuasa dan institusi kewangan) dalam memahami bagaimana OBK membelanjakan sumber-sumbernya (Wing et al., 2006).

Penggunaan atau pelaporan kewangan OBK di Malaysia masih kurang jelas dan tidak banyak kajian berkaitan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pendedahan laporan dengan perbelanjaan OBK di Malaysia dan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi amalan laporan perbelanjaan mengikut fungsi di OBK.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR**

George Candler dan Georgette Dumont (2010) menyatakan rangkakerja akauntabiliti terbahagi kepada empat. Pertama iaitu sumber dana yang tertentu bila di gunakan , mestilah berdasarkan niat atau kehendak sumber dana diperolehi .

Matrix Akauntabiliti ke dua melibatkan kesemua yang terlibat dalam OBK, antaranya akauntabiliti keatas iaitu dari siapa (pembekal sumber dana) dan kemana pembekal dana mahu sumber diagihkan, akauntabiliti kebawah kepada siapa penerima dana(benificiari), akauntabiliti kedalam iaitu semua yg terlibat dlm OBK dan akauntabiliti keluar iaitu pembaca dan pengguna laporan kewangan (PPLK) yang berada diluar OBK termasuk kerajaan dan orang awam yang berkepentingan .

Akauntabiliti ketiga adalah akauntabiliti prosedur iaitu akauntabiliti dari segi undang-undang seperti pematuhan kepada laporan kewangan tahunan, misi, etika dan berdasarkan undang-undang yang terpakai. Keempat akauntabiliti berdasarkan prinsip proses dari penerimaan dana (input) dan kemana dana dibelanjakan (output).

Nigel Davies(2014) Setiausaha Teknikal kepada The Charities Statement of Recommended Practice Committee United Kingdom menyatakan laporan kewangan tahunan OBK, patut dilaporkan mengikut fungsi. Sofia Yasmin, Roszaini Haniffa, et al (2014) menyatakan alat utama menggambarkan akauntabiliti dlm OBK adalah laporan tahunan. Ia digambarkan sebagai salah satu sifat yang boleh diterima dalam memenuhi tanggungjawab kepada semua PPLK.

Mereka berpendapat akauntabiliti OBK termasuk proses, melibatkan informasi pengurusan serta pematuhan kepada objektif dan misi OBK. Akauntabiliti juga boleh dinyatakan berdasarkan laporan aktiviti dan pencapaian program. Perbandingan laporan tahunan dikira sebagai akauntabiliti keatas polisi OBK.

Menurut Arshad et al., (2013), tiada piawai perakaunan yang khusus untuk OBK di Malaysia dalam hubungan antara keperluan pelaporan. Ini menunjukkan terbuka ruang untuk OBK bebas membuat laporan kewangan tanpa piawai yang khusus. Ini juga membuka ruang untuk berlaku penyelewengan kewangan di OBK. Ini disokong oleh pendapat Wing et al.,

(2006) yang menyatakan laporan kewangan bukan keuntungan berpotensi untuk berlaku penipuan dan skandal perakaunan kerana ketidakhadiran piawai perakaunan.

Sebenarnya ini juga menyebabkan timbulnya persepsi negatif dikalangan pengguna dan juga memburukkan nama OBK seterusnya mengurangkan jumlah penderma. Menurut Arshad et al., (2013), kegagalan untuk melaporkan maklumat yang mencukupi akan membawa kepada persepsi negatif berkaitan keberkesanan organisasi menguruskan dana dan seterusnya memberi kesan kepada kekurangan sokongan dari penderma dan pihak-pihak berkepentingan.

Risiko dana OBK disalahgunakan amat tinggi kerana OBK mempunyai akses yang mudah untuk mendapatkan tunai dari masyarakat semasa menjalankan aktiviti. OBK juga mudah meraih kepercayaan awam dan amat terdedah dengan intensif tunai. Oleh itu, untuk mengelak penyelewengan berlaku, penting jika adanya penguatkuasaan dan kehadiran piawai yang berkaitan.

Satu lagi masalah OBK di Malaysia ialah terdapat banyak badan yang berbeza yang boleh OBK daftar. Berikut adalah senarai badan yang terlibat:

Bil.	Jenis OBK	Badan
1	Tabung Amanah	Trustee Act 1952
2	Organisasi	Incorporation Act 1966
3	Organisasi	Company Limited by Guarantee
4	Organisasi	Companies Act 1965
5	Trust Company & Labuan Foundation	Labuan Trust Act 1966 and Labuan Foundation Act 2010

Badan yang berbeza mempunyai keperluan pelaporan berbeza dan ini juga membezakan penguatkuasaan antara OBK di Malaysia.

### **3.0 TEORI YANG MENDASARI**

Teori kedermawan (Philanthropy) mendasari kajian ini. Brian Duncan (2004) menyatakan bahwa teori kedermawan bermaksud penderma menyasarkan sumber dana yang diberi kepada OBK hendaklah disempurnakan oleh OBK sama seperti maksud penderma. Impak pemberian ini bermaksud ia tidak termasuk belanja mengurus OBK. Walaupun OBK dan penderma mempunyai objektif yang sama, wujud unsur tanggungjawab(akauntabiliti) OBK kepada dana yang diberi, adakah sebenarnya dibelanjakan keatas benefisiari atau belanja mengurus OBK. Akauntabiliti OBK terhadap penderma dapat dilaksanakan sekiranya dana yang diberi dibelanjakan mengikut kemahuan penderma.

Teori ini lebih di jelaskan (Patton, Foote & Rodner, 2015) dengan menunjukkan bagaimana dan mengapa OBK menggunakan sumbernya untuk mencapai misi dan visi. Teori ini direka untuk membantu yayasan menyelaraskan strategi, tadbir urus, operasi dan akauntabiliti prosedur mereka, dan dasar selaras dengan sumber dan misi mereka. Teori ini melihat pada tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam pelaporan kewangan yang dilaporkan.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Ini adalah kerana kajian ini ingin melihat pada amalan dan melihat juga faktor yang mempengaruhi amalan pelaporan kewangan OBK. Kajian ini berbentuk kajian kes di sebuah OBK yang dinamakan Yayasan B (nama rekaan). Kutipan data dibuat melalui temubual secara bersemuka dan separa berstruktur. Kutipan data juga dibuat dengan melihat pada dokumen organisasi dan laporan di laman web.

### **5.0 HASIL KAJIAN**

Kajian ini telah memilih Yayasan B (YB) sebagai satu kajian kes. YB telah ditubuhkan pada 5 March 2009. YB cuma mempunyai 6 pekerja dan 2 AJK. Namun, YB mempunyai sukarelawan sebanyak lebih kurang 300 orang. YB menjalankan program secara berterusan dan program *Ad-hoc*. Temubual telah dijalankan dengan Eksekutif Perakaunan dan Pengurus Besar YB. Kajian ini juga melihat pada laporan tahunan dan laporan pengurusan YB.

Kajian ini menilai aspek akauntabiliti YB terhadap penderma, benefisiari dan proses melalui kualiti laporan kewangan tahunan, laporan pengurusan kepada penderma, laporan belanja mengikut fungsi.

Aspek pertama iaitu akauntabiliti YB terhadap penderma, YB menunjukkan piawai akauntabiliti yang tinggi kerana YB boleh dan bersedia menunjukkan akaun pengurusan dana untuk penelitian semua penderma. YB amat mementingkan penderma dan pihak berkepentingan mereka dengan memberikan laporan khusus. YB membolehkan penyata kewangan mereka dicapai dalam talian samada atas permintaan untuk penderma atau orang awam yang memerlukan.

Bagi aspek kedua iaitu akauntabiliti YB terhadap benefisiari. YB membuat pakatan strategik untuk memastikan mereka boleh memenuhi keperluan benefisiari melebihi jangkaan, dengan penglibatan lain-lain OBK dalam program yang dilaksanakan. Ini menghasilkan kerja berimpak tinggi kepada benefisiari.

Tahap akauntabiliti organisasi juga dilihat dari segi ketelusan, justifikasi, pematuhan dan penguatkuasaan pelaporan aktiviti.

Justifikasi pelaporan program, pengurus besar telah menetapkan mana-mana program yang dilaksanakan hendaklah dilaporkan dalam masa dua minggu menggunakan laporan yang telah ditetapkan dan dipiawaikan di YB.

Dari segi pematuhan pula, pemantauan eksekutif secara terus dalam menilai prosedur dan hasil pelaksanaan program, dibuat dengan telus. Namun dari segi penguat kuasa atau sekatan bila berlaku ketidak patuhan, belum berjaya ditentukan dalam kajian ini kerana kurangnya bukti untuk memberikan kesimpulan berkaitan.

Kajian ini melihat pada amalan pelaporan kewangan dan perbelanjaan mengikut fungsi di YB. Kajian ini merumuskan pelaporan kewangannya jelas dan mudah difahami. Laporan kewangan boleh dicapai di talian menunjukkan ketelusan dalam akauntabiliti pelaporan kewangan. Selain itu, laporan kewangan juga diedar kepada penderma secara eksklusif.

Berdasarkan pemerhatian laporan kewangan yang dibekalkan, perbelanjaan mengikut fungsi diamalkan oleh YB pada tahun 2012 dan 2013. Walaubagaimanapun terdapat perubahan format pelaporan kewangan pada tahun 2015, yang disediakan tanpa laporan 2014.

## **6.0 KESIMPULAN**

Secara kesimpulan, kajian ini adalah kajian awal. Hasil kajian ini menunjukkan akauntabiliti di Yayasan B adalah bagus berdasarkan pelaporan kewangan yang boleh diakses dilaman web dan penyediaan laporan pengurusan kepada penderma ini selaras dengan teori kedermawan (Philanthropy) Brian Duncan(2004), Patton, Foote & Rodner(2015). Laporan kewangan ini adalah bukti akauntabiliti YB kepada PPLK sepertimana yang dinyatakan oleh Sofia Yasmin, Roszaini Haniffa, et al (2014), dan Zainon et al., (2014), serta George Candler dan Georgette Dumont(2010) berkenaan rangkakerja akauntabiliti.

Perubahan format pelaporan kewangan pada tahun 2015, yang disediakan tanpa laporan 2014, menandakan akauntabiliti keatas polisi yang dinyatakan Sofia Yasmin, Roszaini Haniffa, et al (2014) tidak dapat dilaksanakan, antara faktor penyumbang adalah kerana tiada piawai perakaunan yang khusus untuk OBK di Malaysia Arshad et al., (2013).

Laporan kewangan melalui perbelanjaan mengikut fungsi adalah faktor utama dalam meningkatkan akauntabiliti ( Nigel Davies(2014) Setiausaha Teknikal kepada The Charities Statement of Recommended Practice Committee United Kingdom). Malangnya ketiadaan penguatkuasaan, dan ketiadaan piawai perakaunan yang jelas di Malaysia, mempengaruhi amalan laporan perbelanjaan mengikut fungsi.

Walau bagaimanapun ketelusan dan keprihatinan pihak pengurusan YB dalam pelaporan perakaunan khusus buat penderma mereka, dan keazaman YB memberikan khidmat terbaik buat benefisiari boleh dijadikan contoh oleh OBK lain. Rangkakerja akauntabiliti ini dibuat berdasarkan prinsip akauntabiliti proses, dari penerimaan dana (input) dan kemana dana dibelanjakan (output) George Candler dan Georgette Dumont(2010).

Faktor-faktor lain yang mempengaruhi amalan pelaporan kewangan dan perbelanjaan mengikut fungsi di YB menunjukkan akauntabiliti YB kepada penderma serta pihak berkepentingan terhadap operasi yang akan atau telah dilaksanakan. Latarbelakang Pengurus YB yang berpengalaman luas dalam pengurusan projek, juga memainkan peranan penting

dalam amalan pelaporan kewangan diYB. Tambahan pula YB tertakluk dengan keperluan pelaporan oleh badan berkuasa.

Kepentingan kajian ini adalah hasil kajian ini boleh mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pelaporan kewangan di OBK. Selain itu, sumbangan kajian adalah kepada pengetahuan baru berkaitan perbelanjaan mengikut fungsi dalam pelaporan kewangan OBK. Hasil kajian juga adalah penting dalam membendung potensi penipuan dan skandal perakaunan di peringkat global. Hasil kajian ini juga boleh digunakan bagi meningkatkan lagi akauntabiliti OBK yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat tanpa batas waktu dan tempat.



Rajah 1: Proses Akauntabiliti Mengikut George Candler dan Georgette Dumont(2010).



## RUJUKAN

- Arshad, R., Bakar, N. A., Sakri, F. H., & Omar, N. (2012). Organizational characteristics and disclosure practices of non-profit organizations in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(1), 209–217. doi:10.5539/ass.v9n1p209.
- Brian Duncan, A Theory of Impact Philanthropy, *Journal of Public Economics* 88(2004).
- Ebrahim, A. S. (2010). The Many Faces of Nonprofit Accountability. *Jossey-Bass Handbook of Nonprofit Leadership and Management*, 3(August), 98–121.
- FATF (2012), International Standards on Combating Money Laundering and the Financing of Terrorism & Proliferation, updated October 2016, FATF, Paris, France, [www.fatf-gafi.org/recommendations.htm](http://www.fatf-gafi.org/recommendations.htm).
- George Candler, Georgette Dumont, A non Profit Accountability Framework, *Canadian Public Administration* Volume 53, No.2 June 2010.
- Sofia Yasmin. Roszaini Haniffa, Mohammad Hudaib(2014) Communicated Accountability by Faith-Based Charity Organisations, *Journal Business Ethics* (2014).
- Wing, K., Gordon, T. Hager, M., Pollak, T. and Rooney, P. (2006). Functional Expense Reporting for Nonprofits. *THE CPA JOURNAL*.
- Zainon, R., Atan and Y., B. W. (2014). An empirical study on the determinants of information disclosure of Malaysian non-profit organizations. *Asian Review of Accounting*, 22(1), 35–55. doi:10.1108/ARA-04-2013-0026.
- Zainon, S., Atan,R., and Y., B. W. (2014). An empirical study on the determinants of information disclosure of Malaysian non-profit organizations. *Asian Review of Accounting*, 22(1), 35–55. doi:10.1108/ARA-04-2013-0026.
- Zainon, S., Atan, R., Bakar, Z. A., & Nam, R. Y. T. (2013). Disclosure practices of funded and non funded religious non-profit organizations: A Comparison. *International Journal of Mathematical Models And Methods in Applied Sciences*, 7(5), 559–567. doi:10.1017/CBO9781107415324.004.